



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY
MALAYSIA)

WISMA TANI

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@moa.gov.my

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA FAIR TOKYO 2019

Program Malaysia Fair Tokyo 2019 pada 2-4 November 2019 yang bertempat di Shinjuku Chuo Park, Tokyo, Jepun telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, diiringi oleh YBhg. Dato' Mohd Sallehhuddin Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta TYT Dato' Kennedy Jawan, Duta Besar Malaysia ke Jepun. Baginda berbesar hati mencemar duli ke program bertemakan 'All About Malaysia' sebagai tanda sokongan ke atas usaha negara dalam meningkatkan daya saing pasaran di peringkat global, terutama di negara Jepun.

Program tahunan kali kedua ini yang menonjolkan keunikan dan kepelbagaiannya produk serta kebudayaan Malaysia ini adalah terbuka kepada orang ramai. Seramai 16,800 orang pengunjung telah direkod pada hari pertama program dan bilangan pengunjung dijangka akan mencecah 50,000 orang pengunjung sepanjang program dijalankan. Pengunjung adalah dari kalangan masyarakat tempatan, pihak industri serta delegasi antarabangsa.

Sesuai dengan dinamika industri gastronomi, MOA di dalam edisi Malaysia Fair pada kali ini telah membawa kelainan dengan mempromosikan industri agrokulinari dengan menonjolkan 10 menu Malaysia terpilih antaranya seperti roti canai, satay, nasi lemak, laksa penang dan teh tarik.

Malaysia Fair tahun ini juga melakarkan sejarah di mana buat pertama kalinya buah durian sejuk beku (whole fruit) di bawa masuk ke Jepun. Sejumlah dua (2) metrik tan durian varieti D197 dan D24 dibawa ke Negara Matahari Terbit yang turut mempunyai potensi pasaran yang tersendiri (niche market).

Selain itu, MOA turut mengoptimumkan platform Malaysia Fair ini bagi mempromosi buahan terpilih iaitu nanas MD2, nangka madu dan jagung manis terpilih dari Program Ladang Kontrak serta produk-produk makanan lain sebagai persediaan bagi menembusi pasaran Jepun terutama semasa

Temasya Sukan Olimpik 2020. Sejumlah 77 produk SKU (stock keeping unit) baharu telah didaftarkan untuk dipasarkan di Jepun.

“Program ini merupakan satu program yang bakal mengetengahkan keunikan dan keistimewaan Malaysia yang bukan sahaja mempunyai menu yang menarik malahan pada masa akan datang kita bakal memperkenalkan produk-produk pelancongan di Malaysia melalui kulinari yang dapat memberi pengalaman baharu kepada masyarakat Jepun”. Kata Dato’ Mohd Sallehhuddin.

Selain itu, Dato’ Mohd Sallehhuddin juga telah mengadakan pertemuan bersama wakil Miyazaki Wagyu Council bagi membincangkan potensi usahasama dan kolaborasi di dalam industri ruminan negara.

Selaras dengan hasrat DYMM YDP Agong, MOA akan terus melaksanakan trade and business acceleration program bagi memasarkan produk negara ke peringkat antarabangsa. Permintaan terhadap produk makanan negara terutama melaui acara-acara bertaraf dunia ini mampu menjadi game changer terutama kepada usahawan industri kecil dan sederhana negara.

**Pejabat Perwakilan Pertanian Tokyo,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**
4 NOVEMBER 2019